

**SYED MOHD JEFFRI** Syed Jaafar  
**MOHD ANUAR** Ramli  
Universiti Malaya

**SEJARAH AHL AL-BAYT HADHRAMI DI PAHANG:  
SALASILAH DAN SUMBANGAN**

**HISTORY OF AHL AL-BAYT HADHRAMI IN PAHANG:  
GENEALOGY AND CONTRIBUTIONS**

*Diaspora orang Arab telah bertebaran ke seberang laut dari pusat asal mereka di Timur Tengah dan telah bertapak di pelbagai pelusuk dunia Islam. Sebahagian mereka berpindah dari Hadramaut yang mana sekelompok kecilnya adalah dari keturunan Nabi Muhammad SAW dari jalur Sayyidina Husain yang digelar sebagai Ahl al-Bayt Hadhrami. Mereka mempunyai pengaruh yang besar dalam pengislaman rantau Alam Melayu. Khususnya di negeri Pahang, golongan Ahl al-Bayt Hadhrami memainkan peranan penting bersama masyarakat setempat. Justeru itu artikel ini memfokuskan mengenai asal usul dan sejarah kedatangan kabilah Ahl al-Bayt Hadhrami ke negeri Pahang dan sumbangan mereka kepada masyarakat setempat sama ada dalam bidang dakwah dan pendidikan Islam, perniagaan dan politik setempat. Bagi mencapai objektif tersebut, pendekatan kualitatif digunakan melalui kaedah kepustakaan yang berasaskan analisis literatur dan kaedah lapangan yang berasaskan metode temubual. Pengkaji telah merujuk koleksi catatan peribadi tentang kabilah Ahl al-Bayt Hadhrami di negeri Pahang di samping menemubual dua orang penjaga nasab Ahl al-Bayt Hadhrami di negeri Pahang dan Terengganu. Hasil kajian mendapati bahawa kabilah Ahl al-Bayt Hadhrami yang datang ke negeri Pahang pada peringkat awal adalah dari jalur Sayyid Ahmad b. 'Isa al-Muhajir (873M–956M) yang terdiri daripada enam kabilah utama, iaitu al-Yahya (Ben Yahya), al-Habsyi, al-Kherid, al-Hindhuan, al-Attas dan al-Haddad. Mereka telah memberi sumbangan yang besar kepada masyarakat setempat di negeri Pahang. Dalam perniagaan, selain daripada memenuhi keperluan kehidupan, mereka turut mengembangkan ekonomi setempat negeri Pahang. Penglibatan mereka dalam politik pula adalah untuk menjayakan strategi dakwah Islam kepada masyarakat. Manakala penyertaan mereka dalam bidang dakwah serta Pendidikan Islam adalah untuk meneruskan legasi Rasulullah SAW. Sehingga ke hari ini, keluarga Ahl al-Bayt Hadhrami terus berkembang dan berasimilasi dengan masyarakat tempatan.*

**Kata kunci:** *Dakwah, Hadhrami, ilmu nasab, Pahang, pendidikan Islam*

*The Arab diaspora expanded beyond its origins in the Middle East thus settling in different areas of the Islamic world. Some known as Ahl al-Bayt Hadhrami, moved from Hadramaut, home to a small number of the descendants of Prophet Muhammad SAW from the ancestry of Sayyidina Husain. They were instrumental in Islamizing the Malay world. The Ahl al-Bayt Hadhrami families particularly in the state of Pahang, played a vital role in the local community. As such, this article discusses the origins, history, and presence of Ahl al-Bayt Hadhrami in the state of Pahang, as well as their contributions to the local community via da'wah and Islamic education, trade, and local politics. To accomplish these objectives, a qualitative approach is used, which includes a library method based on literature analysis and a field work method based on interviews. Personal documents on the Ahl al-Bayt Hadhrami clans in the state of Pahang, as well as interviews with two guardians of the Ahl al-Bayt Hadhrami lineage in the states of Pahang and Terengganu are used as references. It is discovered that the Ahl al-Bayt Hadhrami clan that settled in the state of Pahang earlier on are descendants of Sayyid Ahmad b. 'Isa al-Muhajir (873M–956M). They are divided into six major kinships: al-Yahya (Ben Yahya), al-Habsyi, al-Kherid, al-Hindhuan, al-Attas, and al-Haddad and have made major contributions to the Pahang community. Their participation in trade is aimed at fulfilling their necessities and boosting the local economy while their involvement in politics is to succeed in their community proselytizing approaches. Their ongoing contribution in the fields of da'wah and Islamic education is a continuation of the legacy of the Prophet SAW. To this day, the Ahl al-Bayt Hadhrami family continues to expand and integrate into the local community.*

**Keywords:** *Da'wah, Hadhrami, Genealogical knowledge, Pahang, Islamic education*

## **Pengenalan**

Proses pengislaman Alam Melayu telah dirintis oleh para pendakwah berbangsa Arab,<sup>1</sup> sama ada yang datang secara langsung dari Timur Tengah atau yang singgah di China dan India serta meneruskan perjalanan ke Alam Melayu.<sup>2</sup> Mereka boleh dibahagikan kepada bangsa Arab yang dinamakan sebagai *Ahl al-Bayt Hadhrami* dan bukan dari kalangan *Ahl al-Bayt Hadhrami*. Hubungan

darah mereka sebagai pewaris Nabi SAW mendorong kepada penerimaan masyarakat tempatan dan pemerintah setempat. Mereka dapat memainkan peranan penting dalam menyebarkan dakwah Islam. Tidak terkecuali di Tanah Melayu, terdapat ramai waris *Ahl al-Bayt* yang telah berasimilasi dengan masyarakat Melayu dan memberi sumbangan kepada perkembangan Islam. Sebahagian mereka ini terdiri daripada golongan atasan seperti kerabat di raja di negeri Perlis<sup>3</sup> dan juga golongan bangsawan, pedagang serta pendakwah yang menyebarkan Islam. Dalam perjalanan dakwah golongan *Ahl al-Bayt Hadhrami*, Negeri Pahang merupakan satu destinasi yang dipilih untuk dakwah Islam dan membina penempatan mereka. Pada peringkat awalnya, terdapat enam kabilah *Ahl al-Bayt Hadhrami* di negeri Pahang dan kini semakin berkembang melebihi lima belas kabilah. Umpamanya seperti kabilah al-Yahya, Ben Yahya, al-Habsyi, al-Kherid al-Hindhuan, al-Attas dan juga beberapa kabilah lain dari susur galur al-Hussain.

Secara khususnya, dalam penulisan berkaitan sejarah golongan *Ahl al-Bayt Hadhrami* atau golongan Syed di negeri Pahang, terdapat hanya sebuah buku, iaitu yang ditulis oleh Mahayudin Hj Yahaya iaitu *Sejarah Orang Syed di Pahang* yang diterbitkan pada 1984. Dalam karya tersebut, penulis mendapati terdapat beberapa kesilapan fakta berkaitan golongan *Ahl al-Bayt Hadhrami* di negeri Pahang. Pertama, beliau hanya menyebut empat kabilah awal sahaja yang tiba di negeri Pahang iaitu al-Habsyi, al-Yahya, al-Kherid dan al-Hindhuan sedangkan terdapat enam kabilah yang mula tiba di negeri Pahang, termasuk kabilah Al-Attas dan al-Haddad. Kedua terdapat kesilapan berhubung tahun kedatangan *Ahl al-Bayt Hadhrami* di negeri Pahang dan struktur salasilah kabilah yang tiba di negeri Pahang. Antaranya ialah kabilah awal yang dinyatakan adalah al-Habsyi, tetapi kabilah yang awal adalah al-Yahya iaitu sekitar tahun 1750M. Pengkaji turut menjelaskan latar belakang pengasas bagi setiap kabilah.

Justeru dalam kajian ini, pengkaji telah membuat penambahbaikan terhadap kajian terdahulu berhubung kait dengan sejarah kedatangan kabilah *Ahl al-Bayt Hadhrami* ke negeri Pahang dan bilangan kabilah awal yang datang. Di samping itu pembaikan turut dilakukan terhadap kesinambungan salasilah *Ahl al-Bayt Hadhrami* dan strukturnya berdasarkan kepada manuskrip salasilah bagi setiap kabilah (tidak diterbitkan) dan verifikasi maklumat daripada penjaga nasab. Selain itu, pengkaji juga membincangkan sumbangan tokoh-tokoh *Ahl al-Bayt Hadhrami* negeri Pahang dalam bidang Pendidikan dan dakwah, pentadbiran agama, ekonomi dan politik.

### **Keistimewaan *Ahl al-Bayt* Rasulullah SAW**

Dari segi etimologi *Ahl al-Bayt* merupakan gabungan dari dua perkataan bahasa Arab iaitu "*Ahl*" dan juga "*al-Bayt*". Perkataan "*Ahl*" atau juga disebut

<sup>4</sup>“*Aali*” membawa erti kaum kerabat atau keluarga<sup>5</sup>. Manakala perkataan “*al-Bayt*” berasal dari perkataan “*Bayt*” yang membawa maksud tempat tinggal atau tempat bermalam<sup>6</sup> ditambah dengan huruf *alif* dan *lam* menunjukkan ianya sesuatu yang diketahui (*ma’rifah*). Justeru itu pengertian dari sudut bahasa “*Ahl al-Bayt*” merujuk kepada kaum kerabat yang tinggal bersama.

Manakala dari segi istilah pula, menurut majoriti ulama, *Ahl al-Bayt* adalah mereka yang dihubungkan dengan Rasulullah SAW sama ada dari kalangan bani Hasyim dan bani Mutallib. Mereka diharamkan untuk menerima sedekah *wajibah* (zakat)<sup>7</sup>. Hal ini bertepatan dengan hadis Rasulullah SAW yang menyatakan “*Sesungguhnya zakat/sedekah tidak boleh diberikan kepada keluarga Muhammad kerana ianya dikeluarkan dari kotoran manusia*”<sup>8</sup>.

Namun mereka berselisih pendapat dalam menentukan siapakah yang diharamkan menerima sedekah sama ada bani Hashim sahaja<sup>9</sup> atau bani Hashim dan juga bani Mutallib<sup>10</sup>. Jika dilihat antara salah satu faktor *Ahl al-Bayt* Rasulullah SAW tidak boleh menerima sedekah adalah kerana mereka berhak menerima *khumus al-khumus*<sup>11</sup> dari harta rampasan perang *ghanimah* atau *fa’i* sebagai ganti kepada pengharaman penerimaan sedekah<sup>12</sup>. Manakala dalam perbincangan *ghanimah* pula kedua-dua kelompok iaitu bani Hashim dan juga bani Mutallib berhak menerima pembahagian dari *ghanimah* berdasarkan hadith Rasulullah SAW yang menyatakan bani Hashim dan juga bani Mutallib adalah sesuatu yang sama<sup>13</sup>. Justeru itu bani Mutallib dan juga bani Hashim mempunyai hukum yang sama berkenaan dengan pengharaman penerimaan zakat.

Dalam Islam, golongan *Ahl al-Bayt* mempunyai kedudukan yang istimewa. Dalam hadis Nabi Muhammad SAW ada menyebut: : Ketahuilah wahai manusia, sesungguhnya aku hanyalah manusia. Aku merasakan bahawa utusan Tuhan-Ku (Malaikat Maut) akan datang dan aku akan memenuhinya. Aku tinggalkan kepada kalian *al-Thaqalain* (dua perkara yang penting): Yang pertama adalah Kitab Allah (*al-Qur’an*), di dalamnya terdapat petunjuk dan cahaya. Maka berpegang teguhlah dengan Kitab Allah. Kemudian Rasulullah menyambung: (Yang kedua ialah) Dan *Ahl al-Baitku*, aku peringatkan kalian kepada Allah tentang *Ahl al-Baytku*. Aku peringatkan kalian kepada Allah tentang *Ahl al-Baytku*. Aku peringatkan kalian kepada Allah tentang *Ahl al-Baiyku*. Apa yang difahami melalui hadis *thaqalayn*, Rasulullah SAW mengingatkan tentang tiga perkara utama sebelum beliau wafat, Kitabullah iaitu *al-Quran*, sunnah Rasulullah SAW dan juga *itrah-nya* iaitu ahli keluarga beliau. Perkataan *Ahl al-Bayt* disebut berulang kali untuk menunjukkan kelebihan mereka.

Pada golongan *Ahl al-Bayt* terdapat hak-hak khusus yang perlu dijaga oleh mereka dan juga umat Islam untuk mereka. Antara hukum yang khusus bagi mereka ialah larangan bagi mereka menerima zakat dan sedekah, hak mendapat selawat dari umat Islam dan juga hak *khumus* dari harta rampasan perang. Umat Islam dituntut menyayangi dan menghormati keluarga Rasulullah

SAW berdasarkan firman Allah SWT: *Katakanlah (wahai Muhammad): Aku tidak meminta kepada kamu sebarang upah tentang ajaran Islam yang aku sampaikan itu, (yang aku minta) hanyalah kasih mesra (kamu terhadapku) disebabkan pertalian kerabat (yang menghubungkan daku dengan kamu supaya aku tidak disakiti)* (Surah Syura (42): 23).

Kewujudan *Ahl al-Bayt* Rasulullah SAW adalah kesinambungan daripada zuriat generasi sebelumnya<sup>14</sup>. Keturunan Rasulullah SAW ini bahkan akan sentiasa berkembang keseluruh pelusuk dunia sehingga hari kiamat. Hal ini bertepatan dengan hadis Rasulullah SAW yang membawa maksud setiap sabab atau nasab akan terputus pada hari kiamat kecuali sebab aku dan nasab aku<sup>15</sup>. Hal ini diperkukuhkan lagi dengan hadis yang mengatakan bahawasanya kelahiran Imam Mahdi di akhir zaman daripada keturunan Rasulullah SAW<sup>16</sup>. Malah terdapat individu yang dilantik sebagai penjaga nasab kabilah *Ahl al-Bayt* yang susur galurnya hingga kepada Rasulullah. Salah satu mekanisme yang diambil berat juga adalah pengambilkiraan kafa'ah (serasi dan sesuai) dalam pemilihan pasangan dari kabilah dalam kelompok *Ahl al-Bayt*.<sup>17</sup>

### **Pengenalan kepada *Ahl al-Bayt Hadhrami***

Kelompok *Ahl al-Bayt* Rasulullah SAW pada hari ini dikenali dengan pelbagai panggilan yang merujuk kepada suatu kumpulan seperti *Ahl al-Bayt*, Saadah, Asyraf, Bani 'Alawi, 'Alawiyyin dan Ba'alawi. Manakala gelaran Sayyid [ejaan dalam bahasa Malaysia: Syed] /Sayyidah, Syarif/Syarifah serta Habib/Habibah yang ada sekarang merupakan sebahagian dari gelaran terhadap individu yang tergolong dalam *Ahl al-Bayt* Rasulullah SAW dari jalur cucu baginda SAW iaitu Saidina Hussain RA dan Saidina Hassan RA. Secara amnya mereka ini juga dikenali dengan panggilan Alawiyyin<sup>18</sup> bagi menghubungkan mereka dengan Sayyid Alawi iaitu cucu kepada Ahmad bin Isa al-Muhajir.<sup>19</sup>

Sayyid atau Syed merupakan dua istilah yang sama berasal dari bahasa Arab yang membawa maksud ketua, penghulu atau pemimpin. Begitu juga perkataan syarifah yang berasal dari perkataan syarif dari bahasa Arab "*Syarif*" membawa maksud mulia. Apabila disebut syarifah "*Syarifah*" ianya merujuk kepada perempuan yang dimuliakan. Manakala Habib pula bermaksud 'kekasih". Kebiasaan istilah ini digunapakai oleh mereka dari keturunan asal dari Hadramaut dan sebahagian mereka menetap di Indonesia. Kadangkala istilah habib juga merujuk kepada golongan ilmuwan agama dari keturunan mereka. Terdapat lagi beberapa lagi gelaran lain yang digunakan mengikut budaya setempat bagi menunjukkan penghormatan kepada mereka dari keturunan Rasulullah SAW seperti Engku dan Tokku.<sup>20</sup>

Kesemua panggilan ini bertujuan untuk memudahkan mereka dikenali dalam masyarakat dan juga merupakan sapaan hormat. Terdapat dari kalangan mereka yang tidak meletakkan apa-apa gelaran bahkan cukup dikenali melalui

nama keluarga semata-mata untuk memperkenalkan diri mereka dari keturunan *Ahl al-Bayt* Rasulullah SAW seperti gelaran besar merujuk kepada al-Hussaini, al-Hasani atau kelompok keluarga yang lebih kecil seperti al-‘Idrus, al-Saqqaf, al-Hindhuan, al-Jufri dan lain-lain.

Kebanyakan mereka yang menggunakan panggilan ini mempunyai susur galur *Ahl al-Bayt* yang berada di Hadhramaut, Yaman. Ahmad bin Isa<sup>21</sup> atau juga lebih dikenali dengan gelaran Imam Muhajir merupakan *Ahl al-Bayt* yang pertama bersama 70 orang yang lain dari keluarganya berpindah dari Basrah ke Mekah kemudian ke Hadramaut dengan tujuan memelihara zuriatnya dari ancaman bunuh dan juga kekacauan politik di Iraq.<sup>22</sup> Manakala istilah *Hadhrami* di dalam perbincangan ini merujuk kepada Hadramaut iaitu salah satu dari wilayah tempat utama berkembangnya cucu cicit Rasulullah SAW yang terdapat di Yaman<sup>23</sup>. Ini kerana tidak semua keturunan Rasulullah SAW itu dari Hadhramaut, terdapat juga dari wilayah lain seperti Mekah dan Madinah. Namun begitu kebanyakan *Ahl al-Bayt* Rasulullah SAW yang ada di Nusantara ini adalah mereka yang jelas nasabnya melalui *Ahl al-Bayt* dari Hadhramaut daripada keturunan Ahmad bin Isa.

Secara dasarnya, terdapat empat fasa perkembangan Bani Alawi atau juga dikenali dengan golongan Saadah *Hadhrami*. Ia bermula dari zaman Ahmad bin Isa al-Muhajir iaitu *Ahl al-Bayt* yang pertama berpindah daripada Basrah, Iraq ke wilayah Hadhramawt di Yaman sehinggalah zaman sekarang. Hal ini dapat dilihat sebagaimana berikut:<sup>24</sup>

- Fasa Pertama dimulai dari zaman Ahmad bin Isa Al-Muhajir dan berakhir dengan Faqih Muqaddam Muhammad bin Ali. Fasa ini bermula dari abad ke-3 hingga ke-7 Hijrah. Pemimpin dan tokoh Baalawi pada itu dikenali dengan gelaran al-Imam.
- Fasa kedua dimulai dari abad ke-7 hingga ke-11 Hijrah. Pada zaman tersebut tokoh dan pimpinan Baalawi yang terkemuka dikenali dengan nama al-Syaikh. Pada fasa ini, kecenderungan golongan *Ahl al-Bayt Hadhrami* adalah kepada tarikat dan golongan Sufi sehingga terbentuknya Tarikat yang dikenali dengan nama Tarikat ‘Alawiyyin<sup>25</sup>.
- Fasa ketiga dimulai abad ke-11 sehingga awal abad ke-14 Hijrah. Pada zaman tersebut tokoh dan pimpinan Baalawi dikenali dengan panggilan Habib<sup>26</sup>. Pada fasa ini, berlakunya migrasi golongan *Hadhrami* ke India dan Asia Tenggara (Malaysia -Pahang, Kedah, Johor, Terengganu; Singapura<sup>27</sup>, Indonesia, Thailand).
- Fasa keempat dimulai dari abad ke-14 Hijrah sehingga kini. Keturunan Alawi bin Ubaidullah bin Ahmad bin Isa Al-Muhajir<sup>28</sup> telah berkembang dan bermastautin di sebahagian besar pelusuk dunia. Mereka dikenali dengan pelbagai gelaran seperti Syed atau Sayyid, Engku, Wan dan Habib seperti di Indonesia dan Malaysia, di samping dikenali dengan panggilan Sidi dan Syarif di India.

Dapat dirumuskan bahawa golongan *Ahl al-Bayt Hadhrami* merujuk kepada *Ahl al-Bayt* yang bersusur galur kepada Ahmad bin Isa al-Muhajir dari jalur Saidina Husain bin Ali RA. Mereka telah berhijrah dan membina penempatan baharu di Hadramaut, Yaman dan kemudiannya tersebar di segenap pelusuk dunia. Mereka terdiri daripada pelbagai kabilah seperti al-Idrus, al-Yahya, al-Attas, al-Saqqaf dan lain-lain<sup>29</sup>. Golongan *Ahl al-Bayt Hadhrami* telah tersebar di seluruh Tanah Melayu. Mereka telah berkahwin dengan wanita dari keluarga tempatan yang terkenal dan berpengaruh,<sup>30</sup> berperanan sebagai ulama yang menyebarkan mazhab Syafii dan tarekat, di samping terlibat juga sebagai peniaga dan pendakwah bagi meneruskan legasi Rasulullah SAW.<sup>31</sup>

### Sejarah Kedatangan *Ahl al-Bayt Hadhrami* ke Negeri Pahang

Dari sudut pensejarahan, terdapat beberapa gelombang kedatangan golongan *Ahl al-Bayt Hadhrami* ke Alam Melayu bermula dari abad 16-20M<sup>32</sup>. Namun begitu penghijrahan secara besar-besaran berlaku pada abad ke 18 - 19 Masihi<sup>33</sup>. Mereka yang mendarat di rantau ini terlibat dalam aktiviti perdagangan, perkapalan, keilmuan, kegiatan dakwah, diplomasi dan juga politik tempatan<sup>34</sup>. Penempatan mereka berselerak di negeri Kedah, Perlis<sup>35</sup>, Pulau Pinang<sup>36</sup>, Perak<sup>37</sup>, Johor<sup>38</sup>, Terengganu<sup>39</sup> dan Pahang.<sup>40</sup>

Sejarah kedatangan *Ahl al-Bayt Hadhrami* ke negeri Pahang berlaku dalam beberapa fasa. Antara catatan awal dapat dikaitkan berlaku pada zaman kesultanan Melayu Melaka. Pada tahun 1456M, negeri Pahang telah dikuasai oleh kerajaan Melaka yang mana pada masa itu dibawah kekuasaan Sultan Mansur Shah. Melaka juga merupakan sebuah kerajaan Islam yang menjadi pusat perdagangan dan pusat penyebaran Islam di Nusantara khususnya para pendakwah yang datang dari Hadramaut.

Menurut sejarawan kedatangan Islam ke Pahang selari dengan kedatangan Islam ke Melaka pada tahun 1414M secara rasminya. Hal ini berlaku disebabkan sumber rujukan yang dibuat hanya terhad kepada sumber sejarah tempatan yang ditulis oleh sejarawan barat tanpa melihat tulisan yang dibuat oleh sarjana-sarjana Islam Arab<sup>41</sup>. Namun begitu fakta ini masih lagi dibahaskan berikutan penemuan baru yang menyatakan Melaka diasaskan pada tahun 1262M bukannya pada tahun 1400M.<sup>42</sup>

Walaupun begitu terdapat rekod awal kedatangan golongan Arab di Pahang iaitu sekitar abad ke 10M. Hal ini berikutan penemuan dua batu nisan di kampung Permatang Pasir, Pulau Tambun, Pekan Pahang. Catatan pada kedua batu nisan itu menunjukkan ia kepunyaan seorang berbangsa Arab yang telah meninggal dunia pada hari Rabu bersamaan 14 Rabiul Awal tahun 419H/999M. Dikatakan beliau adalah seorang ulama besar datang dari Arab untuk berniaga atau berdakwah menyebarkan Islam di Alam Melayu, kemudian beliau sampai ke negeri Pahang dan meninggal dunia<sup>43</sup>. Walau bagaimanapun bukti sejarah



tentang kedua-dua batu nisan itu tidak boleh dijadikan asas kedatangan keturunan *Ahl al-Bayt* di Pahang kerana kedua-dua batu nisan tersebut tidak menjelaskan identiti secara nyata asal dan keturunan pemiliknya.

Secara amnya kehadiran *Ahl al-Bayt* ke Pahang mempunyai perkaitan dengan kehadiran mereka di tempat lain seperti Terengganu, Johor, Singapura dan Indonesia, ini kerana tempat-tempat ini merupakan sebahagian lokasi persinggahan mereka sebelum tiba ke Pahang<sup>44</sup>. Penghijrahan golongan *Ahl al-Bayt Hadhrami* ke Pahang merupakan siri-siri terakhir penghijrahan bangsa Arab ke Tanah Melayu. Tujuan mereka hadir ke negeri ini ialah untuk menyambung aktiviti-aktiviti perdagangan dan dakwah yang telah dimulakan oleh orang Arab (tanpa diketahui sama ada dari keturunan *Ahl al-Bayt* atau tidak sebelum mereka)<sup>45</sup>.

Dalam catatan Abdullah menerusi buku “Pelayaran” bahawa dalam masa perjalanannya ke Kelantan beliau singgah di Kuala Pahang dan setelah itu Kampung Cina (Pekan Baharu). Ia mendapati bahawa beberapa buah keluarga Arab sedang menempat di Kampung Maulana, iaitu berhadapan Kampung Cina, di sebelah tebing kiri Sungai Pahang iaitu pada tahun 1838M. Pada ketika itu orang Melayu sangat menghormati keluarga Arab walaupun mereka itu golongan peniaga. Ini disebabkan kerana mereka membawa identiti Islam<sup>46</sup>. Selain itu keluarga *Ahl al-Bayt Hadhrami* juga membina penempatan awal di Kampung Kuala Tekal, Temerloh. Namun begitu banjir besar yang berlaku pada 1970M telah menyebabkan sebahagian dari mereka menyertai penempatan semula di tanah rancangan persekutuan (FELDA) seperti di Felda Jenderak Utara, Felda Purun, Felda Triang, Felda Sg Kemahal dan sebahagian yang lain masih kekal di Kampung Kuala Tekal di samping sebahagian bertebaran di negeri Pahang dan luar Pahang.<sup>47</sup>

### **Salasilah Kabilah *Ahl al-Bayt Hadhrami* di Pahang**

Pada peringkat awal kedatangan *Ahl al-Bayt Hadhrami* ke Negeri Pahang, terdapat enam kabilah utama iaitu al-Hasbyi, Al-Yahya (Ben Yahya), al-Kherid, al-Hindhuan, al-Attas dan al-Haddad. Dalam peringkat berikutnya jumlah kabilah berkembang sehingga melebihi 15 kabilah apabila berlaku perkahwinan silang dan penghijrahan antaranya adalah kabilah al-Safi, al-Idrus, al-Saqqaf, al-Baiti, al-Jufri, al-Baiti, Ben Syihab, al-Sanusi, al-Musyaih, al-Hadi dan lain-lain. Terdapat sebahagian data-data atau catatan kabilah yang wujud pada generasi lama *Ahl al-Bayt Hadhrami* di Pahang khususnya di Kuala Tekal telah terhapus disebabkan berlakunya banjir besar pada tahun 1926M dan 1970M. Oleh yang demikian data-data yang dikumpul adalah berdasarkan temubual penjaga nasab terhadap generasi lama yang masih ada di kampung Kuala Tekal<sup>48</sup>. Dalam kajian ini, pengkaji hanya memfokuskan



salasilah enam kabilah awal *Ahl al-Bayt Hadhrami* yang datang ke Negeri Pahang. Ia merangkumi salasilah nasab dari Rasulullah SAW sehingga kepada pengasas kabilah dan diakhiri dengan generasi awal yang tiba di negeri Pahang sahaja.

#### a) **Kabilah Al-Yahya/ Ben Yahya**


Pengasas kepada kabilah al-Yahya atau Ben Yahya adalah Yahya bin Hassan al-Ahmar bin Ali bin Alawi bin Muhammad Mawla al-Dawlah bin Ali bin Alawi bin Muhammad Faqih al-Muqaddam<sup>49</sup>. Gelaran al-Yahya merujuk kepada nama pengasas kabilah ini iaitu Yahya bin Hassan al-Ahmar, justeru maksud al-Yahya atau Ben Yahya merujuk kepada perkataan keluarga al-Yahya<sup>50</sup>. Berbanding kabilah *Ahl al-Bayt Hadhrami* di Pahang yang lain, hanya kabilah al-Yahya dinisbahkan kepada nama sebenar pengasasnya tanpa melibatkan penisbahan sempena sesuatu peristiwa.


Sejarah kedatangan keluarga Al-Yahya atau juga dipanggil dengan gelaran Ben Yahya ke Pahang mempunyai hubungan dengan kedatangan keluarga Al-Yahya ke Terengganu dari Palembang (Indonesia). Bermula dengan kedatangan Habib Aqil bin Ahmad Al-Yahya dari Tarim ke Palembang. Setelah dikurniakan beberapa orang anak, Habib Aqil bin Ahmad kembali ke Tarim bersama keluarganya. Namun salah seorang daripada anaknya iaitu Habib Yasin bin Aqil tidak pulang ke Tarim, Yaman sebaliknya berhijrah ke Terengganu pada tahun 1700M.<sup>51</sup> Ketika Habib Yasin tiba di Terengganu pada masa itu, kabilah al-Idrus lebih awal membina penempatan di sana<sup>52</sup>. Ini berdasarkan wujud tokoh kabilah al-Idrus iaitu Habib Muhammad bin Ahmad bin Syeikh bin Muhammad Mustafar al-Idrus. Beliau juga dikenali dengan Tok Ku Marang atau Tok Maqam Lama dan meninggal di Kampung Cabang Tiga Kuala Terengganu<sup>53</sup>.

Habib Yasin kemudiannya telah mendirikan rumah tangga dengan saudara perempuan Sultan Mansur I iaitu Puteri Tuan Cik Siti anakanda Sultan Zainal Abidin I. Hasil dari perkahwinan ini beliau dikurniakan lapan orang putera iaitu Salim, Hasan, Aqil, Husin, Yahya, Abd al-Rahman, Hamid dan Ja'far. Dari anak-anak beliau keluarga al-Yahya berkembang di Alam Melayu. Salah seorang anaknya iaitu Abd al-Rahman bin Yasin telah berpindah ke Pekan, Pahang dan maqamnya sekarang berada di Maqam diraja kampung al-Marhum Pekan. Keturunannya berkembang di kawasan Pekan dan Temerloh. Penghijrahan Abd al-Rahman bin Yasin ke Pahang berlaku ketika zaman bendahara Tun Ali sekitar tahun 1750M<sup>54</sup>. Berdasarkan maklumat ini, kabilah al-Yahya dipercayai sebagai kabilah pertama yang sampai ke negeri Pahang. Jalur salasilah kabilah al-Yahya sehingga kepada Abd al-Rahman adalah sebagaimana berikut:

## Rajah 1

### Salasilah Kabilah al-Yahya dari Rasulullah SAW





Rajah 1 di atas menunjukkan salasilah kabilah al-Yahya iaitu dari Syed Abd al-Rahman bin Yassin (orang pertama yang sampai ke negeri Pahang) dan kesinambungan nasab beliau kepada baginda Rasulullah SAW. Beliau merupakan generasi ke 30 daripada baginda SAW dan ke 6 dari pengasas kabilah al-Yahya. Daripada keturunan Syed Abd al-Rahman bin Yassin ini telah berkembang kabilah al-Yahya di Pahang. Sehingga kini kabilah al-Yahya merupakan antara kabilah yang dominan dari sudut komposisi kabilah *Ahl al-Bayt Hadhrami* di Pahang.


## b) Kabilah al-Habsyi


Pengasas kepada kabilah al-Habsyi adalah Abu Bakar bin Ali al-Faqih bin Qadi Ahmad bin Muhammad Asaddullah bin Hasan al-Turabi bin Ali bin al-Faqih al-Muqaddam<sup>58</sup>. Kabilah ini digelar dengan al-Habsyi kerana beliau merupakan keluarga Baalawi yang pertama yang berhijrah ke Habsyah pada abad ke-9H dan berdakwah di sana selama 20 tahun. Mereka merupakan antara kabilah yang awal datang ke Negeri Pahang. Mereka tiba di negeri Pahang pada masa pemerintahan Tun Koris I (1803M-1806M).<sup>59</sup> Pada awalnya mereka datang dari Tarim Hadhramaut sekitar tahun 1200H/1786M ke Palembang kemudian ke Betawi/ Jakarta. Setelah beberapa tahun menetap di Jakarta salah seorang

dari kabilah al-Habsyi iaitu Syed Abd al-Rahman bin Abdullah bin Ahmad al-Habsyi melanjutkan perjalanan dan menetap di Pahang. Ketika di Jakarta, beliau mendirikan rumah tangga dan dikurniakan beberapa orang cahaya mata dan keturunannya berkembang di Palembang dan Surabaya. Semasa di negeri Pahang, beliau telah mendirikan rumah tangga dengan Cik Tuan Mahdiwi, iaitu adik perempuan Bendahara Tun Koris. Hasil perkahwinan ini beliau dikurniakan cahaya mata seorang anak lelaki yang bernama Syed Muhsin. Kemudian Syed Muhsin dikurniakan cahaya mata seramai empat orang anak iaitu Syed Abu Bakar, Syed Ahmad, Syed Abd al-Rahman dan Syed Umar. Jalur salasilah kabilah al-Habsyi sehingga kepada Syed Abdul Rahman adalah sebagaimana berikut:

## Rajah 2

### Salasilah Kabilah al-Habsyi dari Rasulullah SAW





Rajah 2 di atas menunjukkan salasilah kabilah al-Habsyi iaitu dari Syed Abdul Rahman bin Abdullah bin Ahmad al-Habsyi (orang pertama yang sampai ke negeri Pahang) dan kesinambungan nasab beliau kepada baginda Rasulullah SAW. Beliau merupakan generasi ke-31 daripada baginda SAW dan ke 8 dari pengasas kabilah al-Habsyi. Justeru keturunan kabilah al-Habsyi yang berada di negeri Pahang saat ini adalah melalui jalur Syed Umar bin

Muhsin bin Abd al-Rahman al-Habsyi dan juga Syed Abd al-Rahman bin Muhsin bin Abd al-Rahman al-Habsyi yang telah berkembang.

### c) **Kabilah al-Kherid**


Pengasas kepada kabilah al-Kherid atau al-Khairid adalah Alawi al-Kherid bin Muhammad Hamidan bin Abd al-Rahman bin Muhammad bin Abd al-Allah bin Alawi bin Muhammad al-Faqih al-Muqaddam. Digelarkan sebagai al-Kherid kerana beliau mengasingkan diri di Gua Kherid yang terletak di Wadi ‘Aqrun bagi tujuan beribadat dalam tempoh tertentu.<sup>63</sup> Orang yang pertama dari kabilah ini yang menjejaki kaki ke Pahang adalah Syed Sulaiman bin Abdullah bin Ali al-Kherid kemudian beliau berhijrah ke Palembang dengan anak-anaknya iaitu:


- Syed Abdullah berhijrah ke Palembang dan meninggal di Banyu Asin Palembang. Sehingga kini keturunannya berkembang di Palembang, Berau dan Tarakan Kalimantan Timur.
- Syed Muhammad tidak mempunyai cahaya mata.
- Syed Muhsin keturunannya berkembang di Palembang, Telang, Madura, Situobondo dan Bondowoso di Jawa Timur.

Syed Ali telah berhijrah ke Palembang dan berkahwin serta memiliki dua orang putera iaitu Syed Hassan dan Syed Hussain. Kedua orang puteranya ini lahir di Palembang. Setelah beberapa tahun di Palembang, Syed Ali bersama kedua puteranya kembali ke Pahang iaitu sekitar tahun 1251H/1835M. Setelah berhijrah ke Pahang, Syed Ali bin Syed Sulaiman ini memiliki beberapa putera iaitu Abdullah, Abd Kadir, Umar dan Muhammad dan beberapa puteri iaitu Zainab, Zaidah dan Zubaidah. Jadi Kesemua keluarga al-Kherid dari Pahang ini berasal dari Syed Ali bin Sulaiman al-Kherid. Jalur salasilah kabilah al-Kherid sehingga kepada Syed Ali adalah sebagaimana berikut:


### **Rajah 3**

#### **Salasilah Kabilah al-Kherid dari Rasulullah SAW**









Rajah 3 di atas menunjukkan salasilah kabilah al-Kherid iaitu dari Ali bin Sulayman (orang pertama yang sampai ke negeri Pahang) dan kesinambungan nasab beliau kepada baginda Rasulullah SAW. Beliau merupakan generasi ke-34 daripada baginda SAW dan ke-11 dari pengasas kabilah al-Kherid. Justeru kesemua keturunan kabilah al-Kherid yang berada di negeri Pahang adalah melalui jalur Syed Ali bin Sulaiman al-Kherid.

#### d) **Kabilah al-Hindhuan**


Pengasas kepada kabilah Hindhuan adalah Umar al-Hindhuan bin Ahmad bin Hasan al-Wara bin Ali bin Muhammad Mawla al-Dawliah bin Ali bin Alawi bin Muhammad Faqih al-Muqaddam. Dinamakan al-Hindhuan kerana kekuatan pegangan agamanya dan tubuh badannya menyerupai besi Hinduan. Manakala penisbahan terhadap al-Hindi (India) adalah meragukan.<sup>66</sup>


Berbeza dengan kedatangan kabilah lain yang singgah di beberapa tempat, Habib Abdullah bin Aqil al-Hindhuan datang dari Hadramaut secara langsung ke negeri Pahang dan tiba sekitar tahun 1850M. Beliau disifatkan sebagai seorang yang mempunyai kebolehan luar biasa dan ilmu agama yang tinggi. Beliau datang ke Pahang dan dalam perjalanan beliau singgah di Singapura dan bertemu dengan Habib Hassan al-Attas seorang saudagar besar di Johor dan Pahang. Atas nasihat Habib Hassan al-Attas maka Habib Abdullah al-Hindhuan pergi menuju Pahang dan menetap di kampung Kuala Tekal Temerloh. Beliau mendirikan rumah tangga dan dikurniakan beberapa orang cahaya mata iaitu Muhammad, Aqil, Hassan, Mahani Ruqayyah, Fathimah

dan Zainab. Pada tahun 1345H/1926M beliau meninggal dunia ketika berusia 115 tahun dan makamnya terletak di Kampung Telok, Temerloh, Pahang. Jalur salasilah kabilah al-Hindhuan sehingga kepada Habib Abdullah al-Hindhuan adalah sebagaimana berikut:

#### Rajah 4

#### Salasilah Kabilah al-Hindhuan dari Rasulullah SAW





Rajah 4 di atas menunjukkan salasilah kabilah al-Hindhuan iaitu dari Abdullah bin Aqil (orang yang pertama sampai ke negeri Pahang) dan kesinambungan nasab beliau kepada baginda Rasulullah SAW. Beliau merupakan generasi ke-34 daripada baginda SAW dan ke-10 dari pengasas kabilah al-Hindhuan. Keturunan kabilah al-Hindhuan berkembang melalui perkahwinan silang antara kabilah *Ahl al-Bayt Hadhrami* di Pahang.<sup>69</sup>

### e) **Kabilah Al-Attas**


Pengasas kepada kabilah al-Attas adalah Umar al-Attas bin Abdul Rahman bin Aqil bin Salim bin Abdullah bin Abdul Rahman bin Abdullah bin Abdul Rahman al-Saqqaf bin Muhammad Mawla al-Dawliah bin Ali bin Alawi bin Muhammad al-Faqih al-Muqaddam. Dinamakan al-Attas kerana peristiwa yang beliau bersin ketika berada di dalam kandungan ibu nya dan didengari bahawa beliau memuji Allah SWT.<sup>70</sup>


Berdasarkan catatan naskah kabilah al-Attas<sup>71</sup>, tidak dinyatakan secara tepat mengenai kehadiran kabilah ini ke tanah Melayu, namun apa yang dapat dipastikan bahawa kabilah al-Attas telah sampai ke kepulauan Jawa (Indonesia) pada pertengahan abad ke-18M manakala kabilah ini sampai ke semenanjung tanah Melayu dan Singapura pada penghujung ke abad 18M. Menurut catatan salasilah kekeluargaan Habib Hassan al-Attas,<sup>72</sup> ayah kepada Habib Hassan iaitu Habib Ahmad bersama dengan bapa saudaranya iaitu Habib Zain telah berhijrah ke Pahang sekitar 1830M.


Ayah kepada Habib Hassan iaitu Habib Ahmad telah mendirikan rumah tangga dengan wanita tempatan di Pahang dan dikurniakan seorang anak lelaki Habib Hassan pada tahun 1832M di Kampung Maulana, Pekan Pahang. Habib Hassan al-Attas merupakan seorang tokoh yang cukup berpengaruh di negeri Pahang dan Johor. Jalur salasilah kabilah al-Attas sehingga kepada Habib Hassan dan ayahnya adalah sebagaimana berikut:

### **Rajah 5**

#### **Kabilah al-Attas dari Rasulullah SAW**







Rajah 5 di atas menunjukkan salasilah kabilah al-Attas iaitu dari Ahmad bin Hassan (orang yang pertama sampai ke negeri Pahang) dan kesinambungan nasab beliau kepada baginda Rasulullah SAW. Beliau merupakan generasi ke-33 daripada baginda SAW dan ke-5 dari pengasas kabilah al-Attas. Kabilah al-Attas terus berkembang di Pekan Pahang melalui penghijrahan Ahmad dan bapa saudaranya Habib Zain.


#### f) **Kabilah Al-Haddad**

Pengasas kepada kabilah al-Haddad adalah Ahmad al-Haddad bin Abu Bakar al-Tawwil bin Ahmad al-Masrifah bin Muhammad bin Abdullah bin Ahmad Faqih bin Abdul Rahman bin Alawi bin Muhammad Sahib al-Mirbat. Dinamakan al-Haddad kerana beliau selalu bersama dengan tukang besi di tempat pertukangan besi<sup>75</sup>.

Kedatangan kabilah al-Haddad ke negeri Pahang adalah siri penghijrahan terakhir kabilah *Ahl al-Bayt Hadhrami*. Orang pertama yang sampai dari kabilah ini ialah Alawi bin Mohammad al-Haddad di Pekan Pahang. Beliau telah berkahwin dengan Sharifah Zubaidah binti Syed Ali al-Kherid dan dikurniakan empat orang cahaya mata iaitu Mohammad, Maznah, Masturah dan Mariam. Beliau kemudian berhijrah ke Kemaman, Terengganu dan meninggal di sana. Generasi al-Haddad yang berkembang di Pahang melalui anaknya iaitu Syed Mohammad bin Alawi yang dibesarkan di Kampung Teluk, Tekal Pahang. Beliau merupakan seorang yang alim dan pernah menjawat jawatan timbalan kadi di daerah Kuala Lipis dan Kadi di Pekan, Pahang. Menurut catatan manaqib Syed Mohammad al-Haddad, Syed Mohammad mempunyai empat orang isteri iaitu Sharifah Hindun, Sharifah Salmah, Tok Tam (tidak diketahui nama sebenar) dan Engku Mah<sup>76</sup>. Jalur salasilah kabilah al-Haddad sehingga kepada Syed Mohammad dan ayahnya adalah sebagaimana berikut:

## Rajah 6

### Salasilah Kabilah al-Haddad dari Rasulullah SAW







Rajah 6 di atas menunjukkan salasilah kabilah al-Haddad iaitu dari Muhammad bin Alawi (orang yang pertama menetap di negeri Pahang) dan kesinambungan nasab beliau kepada baginda Rasulullah SAW. Beliau merupakan generasi ke-37 daripada baginda SAW dan ke-14 dari pengasas kabilah al-Haddad. Kabilah al-Haddad terus berkembang di Pahang melalui perkahwinan silang antara kabilah *Ahl al-Bayt Hadhrami*.

Berdasarkan perbincangan berkaitan dengan sejarah kedatangan dan salasilah bagi kabilah *Ahl al Bayt Hadhrami* di Negeri Pahang dapat dirumuskan beberapa perkara. Pertama: Tempoh masa kedatangan kabilah *Ahl al Bayt Hadhrami* adalah abad ke 18M hingga 19M. Kedua: Kedatangan kabilah *Ahl al-Bayt Hadhrami* dapat dilihat dalam dua bentuk iaitu sama ada secara langsung dari Hadramaut dan secara transit sama ada di Indonesia atau Singapura. Ketiga: Salasilah kabilah *Ahl al-Bayt Hadhrami* terpelihara dari zaman Rasulullah SAW sehingga kini. Bahkan terdapat beberapa persatuan yang dibentuk dari kalangan mereka di negeri masing-masing yang berada di Malaysia untuk menjaga hak-hak nasab dan kebajikan mereka dari dicabuli. Keempat: Perkembangan mereka di Pahang adalah melalui perkahwinan silang antara kabilah dan perkahwinan dengan luar kabilah, walaubagaimanapun pada hari ini boleh dikatakan hampir kesemua nama-nama keluarga yang lain seperti al-Baiti, al-Idrus, al-Jufri, al-Sofi, al-Musyayyah, al-Saqqaf dan Ben Syihab yang berkembang di Pahang<sup>79</sup>. Kelima: Kesemua kabilah *Ahl al-Bayt Hadhrami* ini bernasabkan kepada Muhammad bin Isa al-Muhajir dari jalur Saidina Husain bin Ali RA.

### **Sumbangan *Ahl al-Bayt Hadhrami* di Negeri Pahang**

Penghijrahan *Ahl al-Bayt Hadhrami* dari Hadramaut ke kawasan luar sama ada di Alam Melayu, Benua India dan Negara Afrika mempunyai misi yang tertentu. Selain daripada penerokaan kawasan baharu, penghijrahan ini turut didorong oleh faktor menyebarkan dakwah dan mengembangkan pendidikan Islam serta menjalankan aktiviti perdagangan<sup>80</sup>. Mereka secara beransur-ansur membina penempatan dan kehidupan di kota-kota utama di Nusantara, kemudiannya diterima oleh penduduk tempatan sebagai pewaris keturunan Rasulullah SAW. Dengan itu, pengiktirafan dan keistimewaan ini memudahkan proses interaksi mereka dengan golongan atasan masyarakat, dan penglibatan mereka dalam pelbagai aktiviti sosio-ekonomi dan politik yang merangkumi perdagangan, kegiatan dakwah, pendidikan Islam, diplomasi dan politik tempatan.<sup>81</sup>

Kedatangan *Ahl al-Bayt Hadrami* ke negeri Pahang juga dengan tujuan yang sama. Berdasarkan gelombang penghijrahan dari abad ke-18M hingga ke-19M yang didominasi enam kabilah utama telah menunjukkan pelbagai sumbangan yang dilakukan sama ada dalam aspek Pendidikan Islam dan dakwah, perdagangan serta politik tempatan. Ia melibatkan dua kelompok *Ahl al-Bayt* yang memberi sumbangan kepada negeri Pahang iaitu mereka yang menetap di negeri lain seperti di Terengganu dan Johor kemudian datang memberi sumbangan atau golongan *Ahl al-Bayt Hadrami* setempat di negeri Pahang. Sumbangan ini boleh dilihat melalui aspek-aspek berikut:

## a) Bidang Pendidikan dan Dakwah

Dalam Islam, pendidikan memainkan peranan yang penting dalam mencorakkan kefahaman agama dalam masyarakat. *Ahl al-Bayt Hadhrami* secara tradisional mementingkan pendidikan agama anak-anak mereka, terutama anak lelaki.<sup>82</sup> Ini adalah sebagai persediaan untuk melahirkan anak-anak yang mampu menjadi pendakwah agar mereka dapat meneruskan misi pengislaman apabila berhijrah keluar dari Hadramaut. Golongan *Ahl al-Bayt* Hadrami turut terlibat dalam perkembangan Pendidikan Islam di negeri Pahang. Sumbangan mereka dapat dilihat dalam bentuk penyediaan infrastruktur atau bangunan sekolah, penyediaan silibus Pendidikan Islam dan penyaluran tenaga pengajar di Madrasah.

Dalam perkembangan Pendidikan Islam di Pahang turut menyaksikan penglibatan Arab *Hadhrami* ketika kesultanan Melayu tradisional dan era moden. Dalam sistem pendidikan tradisional, jaringan keilmuan ini dapat dilihat dari zaman awal lagi. Antaranya ulama *Hadhrami*, iaitu Nur al-Din bin Ali bin Hasanji al-Humaidi al-Idrusi al-Raniri<sup>83</sup> pada abad ke-17M, telah berhijrah ke di Pahang<sup>84</sup> dan telah mengarang kitab fikah yang bertajuk *al-Sirat al-Mustaqim*, iaitu pada tahun 1044H (sekitar 1634M) dan selesai penulisanannya di Pahang pada tahun 1644M.<sup>85</sup> Kitab ini menjadi rujukan awal dalam hukum fikah di Alam Melayu. Selain sumbangan dalam pendidikan tradisional, golongan ahl-bayt Arab *Hadhrami* turut menyumbang kepada pendidikan madrasah yang lebih moden. Mereka telah mendirikan beberapa buah madrasah di beberapa negeri di Tanah Melayu seperti Pulau Pinang, Pahang dan Johor. Mereka juga turut menanggung segala perbelanjaan yang terlibat dalam pembinaan madrasah. Mereka menubuhkan dana dan mewakafkan harta dan aset mereka bagi membiayai pengurusan sekolah serta membayar gaji guru<sup>86</sup>.

Penglibatan *Ahl al-Bayt Hadhrami* di Pahang dalam bidang pendidikan sangat signifikan. Perkara ini dapat dilihat melalui penubuhan sekolah agama pertama di negeri Pahang iaitu Sekolah Menengah Agama al-Attas<sup>87</sup> Pekan, Pahang pada tahun 1923.<sup>88</sup> Pada awalnya terdapat sebuah sekolah yang telah ditubuhkan oleh Haji Omar Bin Hj Abdullah dan juga Hj Hassan Senik pada tahun 1912. Lama kelamaan sekolah ini tidak menampakkan kemajuan akibat dari masalah kewangan, pelajar semakin berkurangan sehingga menyebabkan sekolah itu ditutup. Memandangkan kesedaran terhadap keadaan masyarakat yang memerlukan pendidikan agama Tuan Hj Omar telah menemui tokoh *Ahl al-Bayt* Hadrami kelahiran Pekan Pahang iaitu Habib Hassan al-Attas yang juga merupakan seorang hartawan yang terkenal ketika itu. Dalam perundingan itu Habib Hassan telah bersetuju untuk membina sebuah sekolah baharu yang dibiayai sepenuhnya oleh beliau. Kesemua gaji-gaji guru juga dibiayai oleh Habib Hassan. Dari usaha inilah tertubuhnya Sekolah Agama al-Attas. Sehingga kini sekolah tersebut masih wujud dan berfungsi di Pekan dan berada di bawah tata kelolaan Sekolah Menengah Agama Negeri SMAN

kerajaan Negeri Pahang.

Selain dari Sekolah Menengah Agama al-Attas, beliau juga turut membina sebuah sekolah lagi di Pahang iaitu di Kampong Kuala Tekal yang dinamakan Madrasah al-Islah.<sup>89</sup> Guru besar pertama sekolah ini adalah Syed Abu Bakar bin Abdullah al-Kherid. Beliau merupakan lulusan Madrasah al-Attas al-Arabiyyah Johor.<sup>90</sup> Kebanyakan guru madrasah ini adalah lulusan Universiti Al-Azhar, Mesir dan Hadhramaut, Yaman. Walau bagaimanapun sekolah itu ditutup kerana berlaku beberapa permasalahan utama iaitu kekurangan pelajar, guru dan juga faktor ekonomi, pada tahun 1999 sekolah ini telah dihidupkan kembali dan diteruskan oleh Syed Ibrahim al-Yahya dan hasilnya sekolah ini masih lagi beroperasi dengan penjenamaan semula dengan nama Ribath Baalawi Kg Kuala Tekal.<sup>91</sup>

Dari segi sumbangan dalam bentuk silibus pengajian, golongan *Ahl al-Bayt* Hadrami turut mengembangkan sistem pendidikan madrasah yang menggabungkan pendidikan yang mengekalkan orientasi keagamaannya dan juga silibus bukan agama seperti matematik, geografi dan sejarah<sup>92</sup>. Malah tenaga pengajar juga terdiri dari golongan *Ahl al-Bayt Hadhrami* seperti Syed Abu Bakar bin Abdullah al-Kherid.

Syed Abu Bakar merupakan mudir dan guru pertama di Madrasah al-Islah kampung Kuala Tekal, Temerloh Pahang yang dibina oleh Habib Hassan al-Attas. Syed Abu Bakar bin Abdullah merupakan seorang guru yang mendapat pendidikan daripada ulama' Singapura dan Johor di zaman Mufti Johor Habib Alwi bin Tahir al-Haddad. Kehidupan beliau dipenuhi dengan membina diri dan sakhshiah mukmin. Demikian halnya dengan anak didiknya yang sentiasa dipenuhi dengan ilmu dan taqwa. Syed Abu Bakar bin Abdullah juga sebagai mursyid dan imam di kampung ini. Beliau juga telah memerah segala keupayaannya untuk mendidik masyarakat setempat, walaupun di zamannya itu negara sedang dijajah oleh Inggeris, Jepun dan Komunis. Syed Abu Bakar bin Abdullah dikenali sebagai seorang yang berlapang dada dalam semua keadaan dan sangat disenangi oleh masyarakat dan keluarganya. Beliau sentiasa mengunjungi mereka dan memberi bantuan apa yang sepatutnya. Tiada siapa yang mengunjungi Syed Abu Bakar bin Abdullah melainkan akan dilayan dengan penuh hormat dan dimuliakannya. Pada waktu malamnya pula, amalanya sibuk dipenuhi dengan majlis zikir, selawat dan baca al-Quran. Manakala waktu siang pula dipenuhi dengan ilmu, dakwah dan muzakarah.

Dari sudut penulisan, golongan *Ahl al-Bayt* Hadrami turut meninggalkan khazanah penulisan berharga. Antara rekod penulisan lama yang masih wujud adalah seperti karangan:

- 1) Syed Mohammad al-Haddad (t.t.), Ringkasan Iktikad, Singapura: Matba'ah al-Ahmadiyah.
- 2) Syed Abdul Rahman bin Syed Mohammad al-Yahya, (t.t.). Risalah Iktikad Ahli Sunnah wa al-Jamaah.

- 3) Syed Abdul Rahman bin Syed Mohammad al-Yahya, (t.t.). *Fardhu Ain*, Kuantan: Percetakan al-Ahliah.
- 4) Syed Abdul Rahman bin Syed Mohammad al-Yahya, (1979). *Fiqh al-Mawarith*, Kuantan: Percetakan Timur
- 5) Syed Abdul Rahman bin Syed Mohammad al-Yahya, (t.t.). *Risalah Puasa Ramadhan*
- 6) Syed Abdul Rahman bin Syed Mohammad al-Yahya, (t.t.). *Risalah Peraturan Tahlil Di Makam Di Raja Pahang*.
- 7) Muhammad bin Abdullah al-Kherid (1956), *Aqwalu al-Solat*, Muar: Cetakan Muhammadiyah Paris
- 8) Habib Zain bin Muhammad al-Kherid (1958), “Syarahan Memperingati Keputeraan Nabi Muhammad SAW”, dalam *Warta Jabatan Agama Islam Johor*.
- 9) Syed Abu Bakar al-Kherid, (1960). “Dunia Madrasah” dalam *Majalah al-Qalam*.

Menurut Syed Badrillah, sebahagian penulisan lama yang dikarang oleh waris *Ahl al-Bayt Hadhrami* di Pahang musnah dan tidak dapat diselamatkan disebabkan banjir besar yang berlaku pada tahun 1926M dan 1970M.<sup>93</sup> Namun dalam perkembangan hari ini, tokoh semasa *Ahl al-Bayt Hadhrami* di Pahang turut menyumbang dalam khazanah penulisan seperti karangan Syed Ibrahim Syed Ahmad Mencari Saat Saat Anugerah Ilahi, Syarah Aqidah Awam dan beberapa judul risalah kecil seperti Penerapan Nilai-Nilai Murni, Ilmu dan Tuntutannya. Di samping itu, beliau turut menterjemahkan kitab *Wasa'il Wusul ila Syamail Rasul* tulisan Syeikh Yusuf al-Nabhani<sup>94</sup> dan *Adab Suluk al-Murid* oleh Imam Abdullah al Haddad.<sup>95</sup>

## b) Pentadbiran Agama

Manakala dari sudut pentadbiran Islam, menurut catatan Linehan (1936M)<sup>96</sup> *Ahl al-Bayt Hadhrami* turut memainkan peranan penting pada peringkat awal institusi fatwa di negeri Pahang ketika zaman Kesultanan Melayu Pahang. Terdapat dua orang mufti dari golongan *Ahl al-Bayt* Hadrami yang dilantik menjawat jawatan mufti iaitu Habib Muhsin bin Habib Abd Rahman al-Hasbi.<sup>97</sup> Di samping itu dalam kalangan *Ahl al-Bayt* Hadrami, Habib Muhammad Amin dilantik menjadi mufti pada tahun 1865M ketika zaman Sultan Ahmad Shah I. Beliau merupakan seorang yang alim dan mampu menyelesaikan kemusykilan dalam masyarakat.<sup>98</sup>

Pada awal abad ke 20M, seorang tokoh *Ahl al-Bayt Hadhrami*, iaitu Syed Abdul Rahman bin Syed Mohammad al-Yahya (1923-1991) meneruskan legasi generasi sebelumnya. Beliau merupakan *Ahl al-Bayt Hadhrami* dari keluarga al-Yahya yang telah bertapak di Pekan Pahang dari keluarga Syed

Yassin. Beliau dilahirkan pada tahun 1923 M. Beliau mendapat pendidikan di Madrasah al-Attas Pekan kemudian menyambung pengajian di Madrasah al-Junied di Singapura. Pada tahun 1952 beliau telah ke Ribat Tarim, Hadhramaut Yaman dan tinggal disana selama 6 tahun. Setelah kembali ke tanah air, beliau telah berkhidmat sebagai guru agama di Sekolah Agama Kluang selama 4 tahun. Kemudian kembali ke Pahang dan menjadi kadi di Raub dari tahun 1961-1971. Selepas itu ditukarkan ke Kuantan selama 4 tahun. Pada tahun 1976 beliau telah dilantik menjadi Kadi Besar Pahang selama 8 tahun.

Dalam peringkat generasi *Ahl al-Bayt Hadhrami* semasa, Syed Ibrahim bin Syed Ahmad al-Yahya merupakan seorang tokoh muda golongan *haba'ib* yang dikenali di Pahang. Anak keempat dari empat bersaudara ini lahir di Kg Kuala Tekal, Temerloh pada tanggal 18 Januari 1967. Beliau menuntut ilmu di Mesir, telah kembali dan berkhidmat dengan mengajar di Madrasah Darul Na'im, Kuala Tekal.

### c) **Ekonomi**

Sedia maklum, aspek ekonomi adalah perkara yang penting dalam meneruskan kelangsungan kehidupan. Golongan *Ahl al-Bayt Hadhrami* yang berhijrah menjadikan perdagangan sebagai sumber meneruskan survival mereka di tempat penghijrahan. Bahkan perkara ini dapat dilihat dalam catatan Abdullah Munshi<sup>99</sup> yang menyatakan bahawa golongan Arab *Hadhrami* yang menjalankan aktiviti perniagaan di Kampung Maulana, Pekan Pahang. Di Tanah Melayu terdapat banyak keluarga Arab *Hadhrami* keturunan Sayyid seperti al-Attas, al-Saqqaf, al-Junied dan al-Kaff. Sebilangan besar keluarga Sayyid ini adalah nama besar dan mereka terlibat secara aktif dalam perniagaan dan menjadi usahawan dan peniaga yang berjaya.<sup>100</sup> Biasanya golongan *Ahl al-Bayt Hadhrami* terlibat pertanian, perlombongan, perniagaan haji, perkapalan dan percetakan.<sup>101</sup>

Di Pahang, seorang saudagar *Ahl al-Bayt Hadhrami* yang cukup masyhur iaitu Habib Hassan bin Ahmad bin Hassan dari kabilah al-Attas<sup>102</sup>. Sepanjang hidup beliau telah dikenali sebagai ahli perniagaan yang berjaya<sup>103</sup>. Sumbangan utama beliau kepada negeri Pahang dengan meningkatkan ekonomi melalui pembelian dan penjualan emas dan bijih timah. Ini kerana Pahang merupakan negeri yang kaya dengan emas dan bijih timah pada masa itu<sup>104</sup>. Dengan kekayaan yang diperolehi hasil dari aktiviti perniagaan, beliau menyumbang kembali kepada perkembangan pendidikan Islam di Pahang. Beliau turut mewakafkan 3000 ekar tanah di Ketapang Pekan kepada kerajaan Pahang.

## d) Politik

Dalam menjayakan strategi dakwah mereka di tempat penghijrahan, golongan *Ahl al-Bayt Hadhrami* ini mempunyai hubungan yang baik dengan Istana oleh yang demikian, secara tidak langsung, golongan *Ahl al-Bayt Hadhrami* turut mencorak politik tempatan<sup>105</sup>. Tambahan pula keistimewaan yang dimiliki oleh mereka sebagai pewaris keturunan Rasulullah SAW.<sup>106</sup> Di samping kisah-kisah berkaitan keistimewaan mereka.

Menurut Linehan (1936M), Syed Omar al-Attas<sup>107</sup> pernah dilantik menjadi ketua Menteri Pahang pada zaman Tun Ali sekitar tahun 1836M. Beliau merupakan golongan *Hadhrami* al-Attas yang lahir di Pahang dan merupakan menantu kepada Bendahari Tun Ali<sup>108</sup>. Pada masa kini, YM Syed Ibrahim Bin Syed Ahmad menjawat jawatan Exco Agama, Pendidikan dan kesihatan, Kerajaan Negeri Pahang sejak tahun 2018 sejak tahun 2018.<sup>109</sup>

Tokoh-tokoh yang dinyatakan merupakan waris *Ahl al-Bayt Hadhrami* yang mempunyai sumbangan yang besar kepada negeri Pahang. Terdapat ramai lagi waris *Ahl al-Bayt Hadhrami* yang berkhidmat kepada masyarakat sehingga kini. Jika diperhatikan boleh dikatakan kesemua tokoh ini memberi sumbangan berkaitan dengan agama di samping mereka ini berjaya meneruskan legasi yang dibawa oleh keluarga mereka dalam menyumbangkan dan memberi khidmat ilmu agama kepada masyarakat secara turun temurun. Selain daripada mengembangkan ilmu agama, mereka juga terlibat dalam bidang perdagangan demi kelangsungan hidup dan meneruskan agenda filantropi Islam dalam masyarakat.

## Kesimpulan

Kedatangan pendakwah berbangsa Arab khususnya dari kelompok *Ahl al-Bayt Hadhrami* telah membentuk wajah keislaman yang damai di Alam Melayu. Penyebaran Islam berlaku secara aman tanpa perlu menumpahkan darah. Misi dakwah yang dipikul sebagai pewaris nabi SAW telah dilunaskan dengan menyebarkan dakwah Islam dan mengembangkan pendidikan Islam di samping turut menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan perdagangan.

Kedatangan golongan *Ahl al-Bayt Hadhrami* pada peringkat awalnya tanpa membawa isteri dari Hadhramaut. Mereka kemudiannya mendirikan rumahtangga dengan wanita tempatan dan berasimilasi ke dalam budaya masyarakat Melayu. Peleburan identiti Arab memudahkan lagi penerimaan masyarakat terhadap mereka. Mereka juga bertolak ansur terhadap budaya setempat dan berjaya menyelami budaya masyarakat setempat tanpa menyebabkan masyarakat setempat berasa terancam dengan penghakisan budaya bahkan mereka mampu mempengaruhi dan merubah tradisi, budaya, bahasa tempatan yang memiliki amalan tidak menepati kehendak Islam kepada



menjadi tradisi, budaya dan bahasa yang berasaskan nilai-nilai Islam.<sup>110</sup>

Sumbangan mereka dalam lanskap pengislaman Tanah Melayu umumnya dan negeri Pahang khususnya sangat jelas. Karakter sebagai pendakwah sangat kuat walaupun mereka terlibat dalam perdagangan dan politik. Sebagai pewaris keturunan Rasulullah, *Ahl al-Bayt Hadhrami* sangat menjaga keturunan mereka terutamanya bagi kaum wanita yang terikat dengan kafa'ah. Nama anak-anak mereka akan tercoret dari dari salasilah kabilah *Ahl al-Bayt Hadhrami* sekiranya pasangan lelaki atau bapa bukan dari kabilah *Ahl al-Bayt*. Ini bagi memastikan ketulenan nasab mereka terpelihara sejak dari zaman Rasulullah SAW hingga kini.

Di samping itu, sumbangan mereka dapat dilihat dari peringkat awal kedatangan sehinggalah hari ini. Keilmuan yang mereka pelajari ketika berada di Hadhramaut telah membentuk personaliti yang berilmu dan menyerlahkan karisma apabila berhijrah ke Alam Melayu sehinggakan dapat peluang untuk menyebarkan ilmu di istana dan juga rakyat biasa. Malah ada di antara mereka berkahwin dengan kerabat diraja dan kemudiannya terlibat dalam politik dan pemerintahan. Keterlibatan mereka dalam perdagangan telah berjaya menghasilkan kekayaan. Dengan kekayaan yang diperolehi mereka mewakafkan dan menyumbang untuk perkembangan pendidikan Islam di negeri Pahang. Jelasnya, golongan *Ahl al-Bayt Hadhrami* yang datang ke negeri Pahang mempunyai sumbangan penting dalam perkembangan Islam di negeri Pahang.

## Nota Akhir

1. Al-Attas, S.M.N., *Preliminary Statement on a General Theory of the Islamization of the Malay-Indonesia Archipelago*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1969, 27-29.
2. Azra, A, *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII & XVIII Akar Pembaruan Islam Indonesia, Edisi Perennial*. Jakarta, Kencana, 2013, 20-30.
3. Ismail, A.R.H., "The Northern Region Of Peninsular Malaysia: Historical Heritage And National Identity", *Kajian Malaysia: Journal of Malaysian Studies*, 33, 2015, Supp. 2, 1–25.
4. Menurut Ibn Manzur perkataan اهل berasal dari pada perkataan اهل membawa maksud yang sama iaitu ahli keluarga. Lihat Ibn Manzur, t.t. *Lisan al-'Arab*, Beirut: Dar al-Sadir, 11: 30.
5. Majma' al-Lughah al- 'Arabiyyah, *al-Mu'jam al -Wasit*, c. 4, Kaherah: Maktabah al-Syuruq al-Dawliyyah, 2004, 31.
6. Majma' al-Lughah al- 'Arabiyyah, *al-Mu'jam al -Wasit*, 78.
7. Al-Qarmushi, 'Umar bin Salih, *ahl al-Bait 'Inda Syaikh al-Islam Ibn Taymiyyah*, Jeddah: Markaz al-Ta'sil li al-Dirasat wa al-Buhuth, 48; al-Zuhayli, M., 2011. *al-Mu'tamad fi al-Fiqh al-Syafi'i*, Damsyik:

- Dar Qalam, 2013, 124.
8. Alu al-Syaikh, *Mawsu'ah al-Hadith al-Syarif*, 848. Hadis riwayat Imam Muslim dalam Kitab Zakat, bab Tark Isti'mal al' Nabi 'ala al-Sadaqah, 2000, no. hadis 2481 & 2482.
  9. Menurut Ibn al-Badr pendapat yang rajih bagi mereka yang diharamkan menerima sedekah adalah Bani Hashim sahaja iaitu mereka dari keturunan 'Abd Mutallib serta para isteri Rasulullah SAW dan juga zuriatnya. Lihat Ibn al-Badr, 'Abd al-Mukhsan bin Hamd al-'Ibad, 2001. *Fadl Ahl Al-Bait wa 'Uluw Makanatahum 'inda ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*, Riyadh: Dar Ibn Athir, 6.
  10. Al-Syafi'i, Muhammad bin Idris, *al-Umm*, Mansurah: Dar al-Wafa', 2001,3: 201.
  11. 1/5 daripada 1/5 bahagian daripada harta rampasan perang (ghanimah) atau harta rampasan bukan dari jalan peperangan (fa'i).
  12. Al-Syafi'i, *al-Umm*.
  13. Lafaz hadis ("Innama Banu al-Mutalib wa Banu Hasyim syai'un Wahid"). Hadis riwayat Imam Bukhari dalam Kitab Fardhu Khumus bab Wa Min al-Dalil anna al-Khumus li al-Imam, no. hadis 3140. Lihat Alu al-Syaikh, *Mawsu'ah al-Hadith al-Syarif*, 253.
  14. Al-'Uthaimin, Muhammad bin Salih, 1424H. *al-Syarh al-Mumtani'*, Arab Saudi: Dar Ibn al-Jawzi, 6: 257.
  15. Albani, Muhammad Nasir al-Din, 1996. *Silsilah Hadith al-Sahihah*, Riyadh: Maktabah al-Ma'arif, 5: 58, no hadis 2036.
  16. Lafaz hadis ("al-Mahdi min 'Itrati min waladi Fatimah"). Hadis riwayat Imam Abu Dawud dalam Kitab al-Mahdi, no. hadis 4284. Lihat Alu al-Syaikh, *Mawsu'ah al-Hadith al-Syarif*, 1535.
  17. Serjeant, R.B., 1957. *The Saiyids of Hadramawt*. School of Oriental and African Studies, University of London, 23; Subchi, I., 2020. "Kafa'ah among the Hadrami Arabs in the Malay World: Anthropology of Law Approach". *Jurnal Cita Hukum*, 8(2), 415-434.
  18. Antara nama lain bagi Alawiyyin ialah Bani Alawi, Baalawi, Ashraf.
  19. Latiff, L.A., & Othman, M. R., "Hadhrami Sayyids in Malaya, 1819-1940". *Jurnal Usuluddin*, 38, 2013, 147-170.
  20. Latiff, L.A., "The Hadhrami Arabs in Malaya before the Second World War". *SEJARAH: Journal of the Department of History*, 2017, 23(1), 1-19.
  21. Beliau mempunyai salasilah yang bersambung kepada Rasulullah SAW. Nama penuh beliau Ahmad bin Isa bin Muhammad bin an-Naqib bin Ali 'Uraidi bin Ja'far al-Sadiq bin Muhammad al-Baqir bin Ali Zainal al-Abidin bin Hussain bin Fatimah al-Zahra binti Rasulullah SAW. Lihat Mamat, A., "Ulama Golongan Syed di Terengganu: Peranan dan Sumbangannya dalam Perkembangan Islam", Tesis PhD Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2013, 60-62.

22. Al-Sumait, Habib Zain bin Ibrahim, *al-Manhaj al-Siwa syarhu usul tariqah al-Sa'adah bani al-'Alawi*, Tarim: Dar al-'Ulum wa al-Da'wah, 20; Wahab, A.L.A., 2010. *Menziarahi Kekasih Allah di Hadhramaut, Yaman*, Selangor, Mawleed Publishing, 2005, hlm. 34.
23. Fauzi, N. & Islam, A.P., "Role Of Hadhrami Arab In Political Influence Of The Johore Sultanate In The Early 20 the Century AD". *International Journal of West Asian Studies*, 2013, 4(2),1-21.
24. Alatas, S.F., 1997. "Hadhramaut And the Hadhrami Diaspora: Problems In Theoretical History". In W. C.-S.U. Freitag (ed.), *Hadhrami Traders, Scholars and Statemen in the Indian Ocean 1750s-1960s*. 19-38; Alatas, S.F., 2021. "Al al-'Attās and Ḥaḍramī Arab Migration to the Malay World". *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 94(1), 51-73.
25. Alatas, Hadhramaut and The Hadhrami Diaspora.
26. Alatas, Hadhramaut and The Hadhrami Diaspora.
27. Alkharusi, A.S.W., "Exploring the Roots and Identity Politics of the Hadhrami Diaspora in Singapore". *Arab Worlds Beyond the Middle East and North Africa*, Maryland, Lexington Books, 2021, hlm. 84-85.
28. Al-Syatiri, Ahmad bin Muhammad, *Al-Mu'jam al-Latif*, Jeddah: 'Alam Ma'rifah, 1986, hlm. 137.
29. Al-Sayyid al-Syarif 'Abd al-Rahman b. Muhammad b. Husain al-Masyhur., *Syams al-Zahirah fi Nasab Ahl al-Bayt min Bani 'Alawi*. Jeddah, 'Alam al-Ma'rifah. 1984
30. Aljunied, S.Z., "The Genealogy of the Hadhrami Arabs in Southeast Asia—the 'Alawi family". *IFLA WLIC 2013 - Singapore - Future Libraries: Infinite Possibilities in Session 220 - Genealogy and Local History*, 2013.
31. Clarence-Smith W.G., "The Hadhrami *Sada* and the Evolution of an Islamic Religious International, c.1750s to 1930s". In Green, A. & Viaene, V., (eds.), *Religious Internationals in the Modern World*, London, Palgrave Macmillan, 2012.
32. Suparto, S., Halid, H., & Mamat, S.A.B., "Bani Alawiyyin in Indonesia and the Malay World: network, development and the role of institution in transmitting the peaceful mission of Islam". *Journal of Indonesian Islam*, 13(2),2019, hlm. 267-296.
33. Latiff & Othman, Hadhrami Sayyids in Malaya, 1819-1940, 147-170.
34. Abushouk, A.I. & Ibrahim, H. A. (eds.), *The Hadhrami Diaspora in Southeast Asia: Identity Maintenance Or Assimilation?*. Brill; Abdullah, A.R.T., 2009. "Arab Hadhramis In Malaysia: Their Origins And Assimilation In Malay Society". In *The Hadhrami Diaspora in Southeast Asia*, Brill, 2009, hlm. 45-56.
35. Hassan, S.Z.S., "History and the Indigenization of the Arabs in

- Kedah, Malaysia”. *Asian Journal of Social Science*, 32(3),2004, hlm. 401-424.
36. Latiff, The Hadhrami Arabs in Malaya before the Second World War.
  37. Sulkafla, M.H., “The Sayyids Of Perak: A Preliminary Study On Their Origins And Influences In The Perak Society”. *Sejarah: Journal of the Department of History*, 2020, 29(2).
  38. Kamaruzaman, A.F., Omar, A.F., & Sidek, R.S., “Sumber Historiografi Al-Attas Dalam Pentafsiran Sejarah Kedatangan Dan Penyebaran Islam Di Alam Melayu”. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategy*, 2021, 48(1).
  39. Othman, M. R., “Hadhramis in the politics and administration of the Malay states in the late eighteenth and nineteenth centuries”. Dalam Frietag, U. & Hadrami, William. G., *Traders, Scholars and Statesmen in The Indian Ocean, 1750S-1960S*. Leiden, Brill, 1997.
  40. Mahayudin Hj Yahaya, *Sejarah Orang Syed di Pahang*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984.
  41. al-Masyhur, *Syams al-Zahirah fi Nasab Ahl al-Bayt min Bani ‘Alawi*.
  42. Pendapat yang menyatakan pengislaman Sultan Melaka pada tahun 1414M adalah merujuk kepada pandangan sarjana barat yang ditulis oleh Wang Gu Wu dan Windstedt manakala penemuan baru yang menyebut pada tahun 1262M ditemui oleh sekumpulan penyelidik tempatan berdasarkan penulisan sejarah Melayu. Lihat perbincangan lanjut dalam Borhan, A.J., *Islam di Pahang*, Kuantan: Universiti Malaysia Pahang,2012, hlm. 27-34.
  43. Yahaya, M.H., *Sejarah Orang Syed di Pahang*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 31-33.
  44. Yahaya, M.H., *Sejarah Orang Syed di Pahang*, 37.
  45. Yahaya, M.H., *Sejarah Orang Syed di Pahang*.
  46. Sweeney, A. (ed.), 2005. *Karya lengkap Abdullah Abdul Kadir Munsyi: Hikayat Abdullah*, Jakarta: Ecole Francaise d’Extreme-Orient, 105.
  47. Temubual bersama YM Syed Badrillah Bin Syed Mohammad. Pemegang nasab keluarga Hadhrami di Pahang pada 22 -25 September 2021, di Temerloh, Pahang.
  48. Temubual bersama YM Syed Badrillah Bin Syed Mohammad.
  49. Syatiri, *al-Mu’jam al-Latif*, 193; al-Masyhur, *Syams al-Zahirah fi Nasab Ahl al-Bayt min Bani ‘Alawi*, 311.
  50. Temubual bersama YM Syed Badrillah Bin Syed Mohammad.
  51. *Manaqib Ulama Habaib Warisan Nabi Sempena Majlis Haul Kg. Kuala Tekal Ke 13*, Pahang: Masjid & Ribath Ba-Alawi Kg. Kuala Tekal. Temubual bersama YM Syed Badrillah Bin Syed Mohammad merujuk kepada catatan penjaga nasab Baalawi sebelum beliau iaitu Syed Ahmad bin Hassan al-Yahya.

52. Walaupun begitu, menurut penjaga nasab Ba'alawi Terengganu dan Pengerusi Biro Nasab Asyraf Malaysia, keluarga al-Yahya terlebih dahulu bertapak di Terengganu berbanding keluarga al-Idrus. Namun perbezaan hanya selang beberapa tahun. Hal ini dibuktikan apabila Habib Yasin Bin Aqil mengahwini anak Sultan Terengganu ketika itu pada tahun 1700H. Sedangkan ketika itu Tok Maqam Lama masih berada di Marang. Temubual bersama beliau pada 25 November 2015, jam 5.00 pm, di Kg Tajin, Kuala Berang, Terengganu.
53. Pada masa tersebut, keluarga al-Idrus telah memegang peranan dan pengaruh yang besar baik terhadap kerajaan Terengganu mahupun di dalam kehidupan seharian masyarakat.
54. *Manaqib Ulama Habaib Warisan Nabi Sempena Majlis Haul Kg. Kuala Tekal ke 14*, Pahang: Masjid & Ribath Ba-Alawi Kg. Kuala Tekal.
55. Sehingga kepada pengasas kabilah al-Yahya, nasab ini telah dirujuk kepada *syajarah* nasab (pokok induk Baalawi). Lihat al-Faqih, Alawi bin Muhammad, 2007. *Syajarah Usul Saadah bani 'Alawi*, Sana'a: Dar al-Muhajir. Untuk generasi seterusnya, telah merujuk kepada salasilah simpanan nasab koleksi peribadi pengkaji yang telah disahkan oleh al-Maktab Addaimi, iaitu sebuah lembaga pemeliharaan nasab dan statistik Alawiyin yang berada di Jakarta.
56. Maqam beliau terdapat di Bukit Puteri di Kuala Terengganu.
57. "Catatan Salasilah Kabilah al-Yahya" (tidak diterbitkan). Salasilah generasi selepas Abdul Rahman sehingga kini masih tersimpan dalam koleksi penjaga nasab.
58. Al-Syatiri, *al-Mu'jam al-Latif*, 81.
59. Linehan, W., 1926. "The Bendaharas of Pahang". *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, 4(3) (98), 334-338.
60. Lihat al-Faqih, *Syajarah Usul Saadah Bani 'Alawi*.
61. Al-Masyhur, *Syams al-Zahirah*, 2: 467.
62. "Catatan Salasilah Kabilah al-Habsyi" (tidak diterbitkan). Salasilah generasi selepas Abdul Rahman sehingga kini masih tersimpan dalam koleksi penjaga nasab.
63. Al-Syatiri, *al-Mu'jam al-Latif*, 85, 86.
64. Permulaan keluarga al-Kherid. al-Faqih, *Syajarah Usul Saadah Bani 'Alawi*.
65. "Catatan Salasilah Kabilah al-Kherid" (tidak diterbitkan). Salasilah generasi selepas Ali sehingga kini masih tersimpan dalam koleksi penjaga nasab.
66. Al-Syatiri, *al-Mu'jam al-Latif*, 191-192.
67. Permulaan keluarga al-Hindhuan. al-Faqih, *Syajarah Usul Saadah Bani 'Alawi*.
68. "Catatan Salasilah Kabilah al-Hindhuan" (tidak diterbitkan).

- Salasilah generasi selepas Abdullah sehingga kini masih tersimpan dalam koleksi penjaga nasab.
69. Manaqib Ulama Habaib warisan Nabi, 94.
  70. Al-Syatiri, *al-Mu'jam al-Latif* 134-136.
  71. Alatas, S.F., 2021. "Al al-'Aṭṭās and Ḥaḍramī Arab Migration to the Malay World". *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 94(1), 51-73.
  72. Al-Attas, S.A.K., et al., 1984. *Al-Marhum Syed Hasan bin Ahmad al-Attas Seorang Mujahid Dan Pembangun Ummah*. Johor Bahru: Jabatan Percetakan Negara.
  73. Permulaan keluarga al-'Attas. al-Faqih, *Syajarah Usul Saadah bani 'Alawi*.
  74. Al-Attas, *Al-Marhum Syed Hasan bin Ahmad al-Attas Seorang Mujahid*. "Catatan Salasilah Kabilah al-Attas" (tidak diterbitkan). Salasilah generasi selepas Ahmad sehingga kini masih tersimpan dalam koleksi penjaga nasab.
  75. Al-Syatiri, *al-Mu'jam al-Latif*, 181-182.
  76. Temubual bersama YM Syed Badrillah Syed Mohammad.
  77. Permulaan keluarga al-Haddad. al-Faqih, *Syajarah Usul Saadah bani 'Alawi*.
  78. "Catatan Salasilah Kabilah al-Haddad" (tidak diterbitkan). Generasi selepas Muhammad sehingga kini tersimpan dalam koleksi penjaga nasab
  79. Rujukan salasilah setiap keluarga kebiasaannya hanya diperolehi daripada keluarga masing-masing. Ini kerana kebiasaannya penjagaan nasab oleh keluarga baalawi merupakan inisiatif tersendiri untuk membuktikan mereka mempunyai salasilah yang bersambung kepada Rasulullah SAW. Walau bagaimanapun penjagaan nasab ini juga perlu mendapat pengesahan badan tertentu seperti Maktab Addaimi di Jakarta untuk mengesahkan jalur periwayatan nasab mereka adalah sah.
  80. Clarence-Smith, W. G., 2012. "*The Hadhrami sada and the evolution of an Islamic religious international, c. 1750s to 1930s*". In *Religious Internationals in the Modern World*. London: Palgrave Macmillan, 233-251.
  81. Abushouk, A.I., 2007. Al-Manār and the Ḥadhramī Elite in the Malay-Indonesian World: Challenge and Response". *Journal of the Royal Asiatic Society*, 17(3), 301-322; Mandal, S.K., 2011. "The significance of the rediscovery of Arabs in the Malay world". *Comparative Studies of South Asia, Africa, and the Middle East*, 31(2), 296-311.
  82. Riddell, P.G., 2001. "Arab Migrants and Islamization in the Malay World During The Colonial Period". *Indonesia and the Malay World*, 29(84), 113-128.

83. Azra, A., 2004. *The Origins of Islamic Reformism in Southeast Asia: Networks of Malay-Indonesian and Middle Eastern 'Ulama' in the Seventeenth and Eighteenth Centuries*. Hawaii: University of Hawaii Press, 58-59
84. Ho, E., 2009. *The Graves of Tarim: Genealogy and mobility across the Indian Ocean*. Berkeley: University of California Press, 166-167.
85. Rosele, M.I. & Rahim, R.A.A., 2017. "Al-Raniri dan Perkembangan Islam di Pahang". *Jurnal Usuluddin*, 45(2), 87-104.
86. Latiff, L.A., Tohar, S.N.A.M., Muda, F. L., & Ismail, A., 2018. "Sumbangan Orang Arab Terhadap Perkembangan Pendidikan Madrasah Atau Sekolah Arab Di Malaysia". *Al-Hikmah*, 10(2), 35-53; Muhamad, A.D. & Othman, M.R., 2020. "Pengislahan Sistem Pendidikan Islam Di Tanah Melayu: Peranan Mudir Madrasah Al-Mashoor Al-Islamiah Pulau Pinang, 1916-1957", *Journal of Al-Tamaddun*, 15(1), 133-145.
87. Othman, M.R., 2006. "The Arabs migration and its importance in the historical development of the late nineteenth and early twentieth century Malaya". *15th Annual World History Association Conference*, California, USA, 12
88. Muda, A., 1976. *Sekolah Agama Rakyat Negeri Pahang dalam Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 98-99.
89. *Manaqib Ulama Habaib Warisan Nabi Sempena Majlis Haul Kg. Kuala Tekal Ke 13*, Pahang: Masjid & Ribath Ba-Alawi Kg. Kuala Tekal, 54.
90. Latiff, et al., Sumbangan Orang Arab Terhadap Perkembangan Pendidikan Madrasah, 35-53.
91. Temubual bersama Syed Ibrahim Bin Syed Ahmad, Exco Agama & Pendidikan, Kerajaan Negeri Pahang, pada 7 Mac 2015 di Temerloh.
92. Latiff, et al., Sumbangan Orang Arab Terhadap Perkembangan Pendidikan Madrasah, 35-53; Muhamad & Othman, Pengislahan Sistem Pendidikan Islam di Tanah Melayu, 133-145.
93. Temubual Syed Badrillah Syed Mohammad, maklumat ini diterima daripada Syed Mansur bin Ahmad al-Yahya salah seorang tokoh Ahl al-Bayt Hadhrami.
94. Al-Nabhani, Y.I., 2010. *Jalan mengenali kesempurnaan Rasulullah SAW*, (terj. Syed Ibrahim Syed Ahmad) Selangor: Mawleed Publishing.
95. Al-Haddad, A.A., 2012. *Adab Pendekatan Diri kepada Allah*, (terj. Syed Ibrahim Syed Ahmad) Kuala Lumpur: Pustaka Islamiyyah Holdings.
96. Linehan, W., 1936. "A History of Pahang". *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, 14(2), (125), 1-257.
97. "Bayan Asy-Syriki" dalam Hj Wan Mohd Shaghbir Abdullah, 2015.



- Ensiklopedia Naskhah Klasik Nusantara*, Khazanah Fathaniyah, 49; Ismail, A.S., & Mujani, W.K., 2014. “Scholars’ Jihad Ta’limi in Pahang during the 19th Century”. Proceedings 5<sup>th</sup> International Conference of Humanities and Social Sciences, 396.
98. “Sejarah Penubuhan”, <https://mufti.pahang.gov.my/index.php/sejarah-penubuhan/> dicapai pada 25 September 2021.
99. Sweeney, *Karya lengkap Abdullah Abdul Kadir Munsyi: Hikayat Abdullah*, 105.
100. Latiff & Othman, Hadhrami Sayyids in Malaya, 1819-1940, 147-170.
101. Latif, L.A., 2016. “The Roles and Contributions of Arab in Malaya, 1819-1969”, Tesis Kedoktoran, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 115.
102. Beliau dilahirkan di Kampung Maulana, Pekan Pahang pada tahun 1832M.
103. Borhan, *Islam di Pahang*, 117.
104. Borhan, *Islam di Pahang*.
105. Kathirithamby-Wells, J., 2009. “‘Strangers’ and ‘stranger-kings’: The sayyid in eighteenth-century maritime Southeast Asia”. *Journal of Southeast Asian Studies*, 40(3), 567-591.
106. Subchi, I. (2019). “The History of Hadrami Arabic Community Development in Southeast Asia”. *Epistemé*, 14(2), 169-188.
107. Ismail, A.S., Jalal, B., MdSaman, M., & Mujani, W.K., 2017. “19th Century Pahang Islamic scholars in ‘A history of Pahang’”. In Proceedings of the 2017 International Conference on Education, Economics and Management Research (ICEEMR 2017), Atlantis Press, 192-194.
108. Linehan, A History of Pahang, 60.
109. Temubual YM Syed Badrillah Syed Mohammad.
110. Mamat, A., Ulama Golongan Syed di Terengganu, 105.

## Rujukan

- Abdullah, A.R.T., 2009. “Arab Hadhramis In Malaysia: Their Origins And Assimilation In Malay Society”. In *The Hadhrami Diaspora in Southeast Asia*, Brill.
- Abushouk, A.I. & Ibrahim, H. A. (eds.), 2009. *The Hadhrami Diaspora in Southeast Asia: Identity Maintenance Or Assimilation?*. Brill.
- Abushouk, A.I., 2007. Al-Manār and the Ḥadhramī Elite in the Malay-Indonesian World: Challenge and Response”. *Journal of the Royal Asiatic Society*, 17(3), 301–322.
- Al-‘Uthaimin, Muhammad bin Salih, 1424H. *al-Syarh al-Mumtani’*, Arab Saudi: Dar Ibn al-Jawzi, 6: 257.

- Alatas, S.F., 1997. "Hadhramaut And the Hadhrami Diaspora: Problems In Theoretical History". In W. C.-S.U. Freitag (ed.), *Hadhrami Traders, Scholars and Statemen in the Indian Ocean 1750s-1960s*. 19-38.
- Alatas, S.F., 2021. "Āl al-'Attās and Ḥaḍramī Arab Migration to the Malay World". *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 94(1), 51-73.
- Al-Attas, S.A.K., et al., 1984. *Al-Marhum Syed Hasan bin Ahmad al-Attas Seorang Mujahid Dan Pembangun Ummah*. Johor Bahru: Jabatan Percetakan Negara.
- Al-Attas, S.M.N. 1969. *Preliminary Statement on a General Theory of the Islamization of the Malay-Indonesia Archipelago*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Albani, Muhammad Nasir al-Din. 1996. *Silsilah Hadith al-Sahihah*, Riyadh: Maktabah al-Ma'arif.
- al-Faqih, Alawi bin Muhammad, 2007. *Syajarah Usul Saadah bani 'Alawi, Sana'a*: Dar al-Muhajir.
- Al-Haddad, A.A. 2012. *Adab Pendekatan Diri kepada Allah*, (terj. Syed Ibrahim Syed Ahmad) Kuala Lumpur: Pustaka Islamiyyah Holdings.
- Aljunied, S.Z. 2013. "The Genealogy of the Hadhrami Arabs in Southeast Asia—the 'Alawi family". *IFLA WLIC 2013 - Singapore - Future Libraries: Infinite Possibilities in Session 220 - Genealogy and Local History*.
- Alkharusi, A.S.W. 2021. "Exploring the Roots and Identity Politics of the Hadhrami Diaspora in Singapore". *Arab Worlds Beyond the Middle East and North Africa*, Maryland: Lexington Books.
- Al-Nabhani, Y.I., 2010. *Jalan mengenali kesempurnaan Rasullah SAW*, (terj. Syed Ibrahim Syed Ahmad) Selangor: Mawleed Publishing.
- Al-Qarmushi, 'Umar bin Salih, 2013. *ahl al-Bait 'Inda Syaikh al-Islam Ibn Taymiyyah*, Jeddah: Markaz al-Ta'sil li al-Dirasat wa al-Buhuth.
- Al-Sayyid al-Syarif 'Abd al-Rahman b. Muhammad b. Husain al-Masyhur, 1984. *Syams al-Zahirah fi Nasab Ahl al-Bayt min Bani 'Alawi*. Jeddah: 'Alam al-Ma'rifah.
- Al-Sumait, Habib Zain bin Ibrahim, 2005. *al-Manhaj al-Siwa syarhu usul tariqah al-Sa'adah bani al-'Alawi*, Tarim: Dar al-'Ulum wa al-Da'wah.
- Al-Syafi'i, Muhammad bin Idris, 2001. *al-Umm*, Mansurah: Dar al-Wafa'.
- Al-Syatiri, Ahmad bin Muhammad, 1986. *Al-Mu'jam al-Latif*, Jeddah: 'Alam Ma'rifah.
- Alu al-Syaikh, Salih bin 'Abd al-'Aziz, 2000. *Maw'su'ah al-Hadith al-Sharif*, Riyadh: Dar al-Salam.
- al-Zuhayli, M., 2011. *al-Mu'tamad fi al-Fiqh al-Syafi'i*, Damsyik: Dar Qalam.
- Azra, A. 2004. *The Origins of Islamic Reformism in Southeast Asia: Networks of Malay-Indonesian and Middle Eastern I'Ulama' in the Seventeenth*

- and Eighteenth Centuries*. Hawaii: University of Hawaii Press.
- Azra A. 2013. *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII & XVIII Akar Pembaruan Islam Indonesia, Edisi Prerenial*. Jakarta: Kencana.
- Borhan, A.J., 2012. *Islam di Pahang*, Kuantan: Universiti Malaysia Pahang.
- Clarence-Smith W.G., 2012. "The Hadhrami *Sada* and the Evolution of an Islamic Religious International, c.1750s to 1930s". In Green, A. & Viaene, V., (eds.), *Religious Internationals in the Modern World*, London: Palgrave Macmillan.
- Clarence-Smith, W. G., 2012. "*The Hadhrami sada and the evolution of an Islamic religious international, c. 1750s to 1930s*". In *Religious Internationals in the Modern World*. London: Palgrave Macmillan.
- Fauzi, N. & Islam, A.P., 2013. "Role Of Hadhrami Arab In Political Influence Of The Johore Sultanate In The Early 20 the Century AD". *International Journal of West Asian Studies*, 4(2),1-21.
- Hj Wan Mohd Shaghir Abdullah, 2015. *Ensiklopedia Naskhah Klasik Nusantara*, Khazanah Fathaniyah.
- Hassan, S.Z.S., 2004. "History and the Indigenization of the Arabs in Kedah, Malaysia". *Asian Journal of Social Science*, 32(3), 401-424.
- Ho, E., 2009. *The Graves of Tarim: Genealogy and mobility across the Indian Ocean*. Berkeley: University of California Press.
- Ibn al-Badr, 'Abd al-Mukhsan bin Hamd al-'Ibad, 2001. *Fadl Ahl Al-Bait wa 'Uluw Makanatahum 'inda ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*, Riyadh: Dar Ibn Athir.
- Ismail, A.R.H., 2015. "The Northern Region Of Peninsular Malaysia: Historical Heritage And National Identity". *Kajian Malaysia: Journal of Malaysian Studies*, 33, Supp. 2, 1–25.
- Ismail, A.S., Jalal, B., MdSaman, M., & Mujani, W.K., 2017. "19th Century Pahang Islamic scholars in 'A history of Pahang'". In Proceedings of the 2017 International Conference on Education, Economics and Management Research (ICEEMR 2017), Atlantis Press.
- Ismail, A.S., & Mujani, W.K., 2014. "Scholars' Jihad Ta'limi in Pahang during the 19th Century". Proceedings 5<sup>th</sup> International Conference of Humanities and Social Sciences.
- Kamaruzaman, A.F., Omar, A.F., & Sidek, R.S., 2021. "Sumber Historiografi Al-Attas Dalam Pentafsiran Sejarah Kedatangan Dan Penyebaran Islam Di Alam Melayu". *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategy*, 48(1).
- Kathirithamby-Wells, J., 2009. "Strangers' and 'stranger-kings': The sayyid in eighteenth-century maritime Southeast Asia". *Journal of Southeast Asian Studies*, 40(3), 567-591.
- Latif, L.A., 2016. "The Roles and Contributions of Arab in Malaya, 1819-1969", Tesis Kedoktoran, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya.

- Latiff, L.A., & Othman, M.R., 2013. "Hadhrami Sayyids in Malaya, 1819-1940". *Jurnal Usuluddin*, 38, 147-170.
- Latiff, L.A., 2017. "The Hadhrami Arabs in Malaya before the Second World War". *SEJARAH: Journal of the Department of History*, 23(1), 1-19.
- Latiff, L.A., Tohar, S.N.A.M., Muda, F. L., & Ismail, A., 2018. "Sumbangan Orang Arab Terhadap Perkembangan Pendidikan Madrasah Atau Sekolah Arab Di Malaysia". *Al-Hikmah*, 10(2), 35-53.
- Linehan, W., 1926. "The Bendaharas of Pahang". *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, 4(3) (98), 334-338.
- Linehan, W., 1936. "A History of Pahang". *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, 14(2), (125), 1-257.
- Majma' al-Lughah al- 'Arabiyyah, 2004. *al-Mu'jam al -Wasit*, c. 4, Kaherah: Maktabah al-Syuruq al-Dawliyyah.
- Mamat, A., 2013. "Ulama Golongan Syed di Terengganu: Peranan dan Sumbangannya dalam Perkembangan Islam", Tesis PhD Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Manaqib Ulama Habaib Warisan Nabi Sempena Majlis Haul Kg. Kuala Tekal Ke 13*, Pahang: Masjid & Ribath Ba-Alawi Kg. Kuala Tekal.
- Manaqib Ulama Habaib Warisan Nabi Sempena Majlis Haul Kg. Kuala Tekal ke 14*, Pahang: Masjid & Ribath Ba-Alawi Kg. Kuala Tekal.
- Mandal, S.K., 2011. "The significance of the rediscovery of Arabs in the Malay world". *Comparative Studies of South Asia, Africa, and the Middle East*, 31(2), 296-311.
- Manuskrip salasilah Mohammad Bin Alwi al-Hadad* dalam simpanan penjaga nasab Baalawi Pahang (tidak diterbitkan).
- Muda, A., 1976. *Sekolah Agama Rakyat Negeri Pahang dalam Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Muhamad, A.D. & Othman, M.R., 2020. "Pengislahan Sistem Pendidikan Islam Di Tanah Melayu: Peranan Mudir Madrasah Al-Mashoor Al-Islamiah Pulau Pinang, 1916-1957", *Journal of Al-Tamaddun*, 15(1), 133-145.
- Othman, M. R., 1997. "Hadhramis in the politics and administration of the Malay states in the late eighteenth and nineteenth centuries". Dalam Frietag, U. & Hadrami, William. G., *Traders, Scholars and Statesmen in The Indian Ocean, 1750S-1960S*. Leiden: Brill.
- Othman, M.R., 2006. "The Arabs migration and its importance in the historical development of the late nineteenth and early twentieth century Malaya". *15th Annual World HIstory Assocation Conference*, California, USA.
- Riddell, P.G., 2001. "Arab Migrants and Islamization in the Malay World During The Colonial Period". *Indonesia and the Malay World*, 29(84), 113-128.

- Rosele, M.I. & Rahim, R.A.A., 2017. "Al-Raniri dan Perkembangan Islam di Pahang". *Jurnal Usuluddin*, 45(2), 87-104.
- "Sejarah Penubuhan", <https://mufti.pahang.gov.my/index.php/sejarah-penubuhan/> dicapai pada 25 September 2021.
- Serjeant, R.B., 1957. *The Saiyids of Hadramawt*. School of Oriental and African Studies, University of London.
- Subchi, I. (2019). "The History of Hadrami Arabic Community Development in Southeast Asia". *Epistémé*, 14(2), 169-188.
- Subchi, I., 2020. "Kafa'ah among the Hadrami Arabs in the Malay World: Anthropology of Law Approach". *Jurnal Cita Hukum*, 8(2), 415-434.
- Sulkafle, M.H., 2020. "The Sayyids Of Perak: A Preliminary Study On Their Origins And Influences In The Perak Society". *Sejarah: Journal of the Department of History*, 29(2).
- Suparto, S., Halid, H., & Mamat, S.A.B., 2019. "Bani Alawiyyin in Indonesia and the Malay World: network, development and the role of institution in transmitting the peaceful mission of Islam". *Journal of Indonesian Islam*, 13(2), 267-296.
- Sweeney, A. (ed.), 2005. *Karya lengkap Abdullah Abdul Kadir Munsyi: Hikayat Abdullah*, Jakarta: Ecole Francaise d'Extreme-Orient.
- Temubual bersama YM Syed Mohd Fadhil bin Syed Omar, Pengerusi Biro Nasab dan Salasilah Alawiyyah, Asraaf Malaysia dan Pengerusi Biro Penerangan Al-Amin Terengganu pada 25 November 2015, di Kg Tajin, Kuala Berang Terengganu.
- Temubual bersama YM Syed Badrillah Bin Syed Mohammad. Pemegang nasab keluarga Hadhrami di Pahang pada 22-25 September 2021, di Temerloh, Pahang.
- Temubual bersama YM Syed Ibrahim Bin Syed Ahmad, Exco Agama & Pendidikan, Kerajaan Negeri Pahang, pada 7 Mac 2015 di Temerloh.
- Wahab, A.L.A., 2010. *Menziarahi Kekasih Allah di Hadhramaut, Yaman*. Selangor: Mawleed Publishing.
- Yahaya, M.H., 1984. *Sejarah Orang Syed di Pahang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

## Nota Biografi

Dr Syed Mohd Jeffri Syed Jaafar (syedjeffri89@um.edu.my) merupakan pensyarah kanan di Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Beliau berkepakaran di dalam bidang Usul Fiqh, Fiqh Ibadat dan sejarah pemikiran hukum Islam.

Prof Madya Dr Mohd Anuar Ramli (mohdanuar@um.edu.my) merupakan Profesor Madya di Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Beliau berkepakaran dalam bidang Syariah, Fiqh Budaya,

## Fiqh Gender dan Sejarah Hukum Islam.

### **Penghargaan**

Penyediaan artikel ini adalah sebahagian output daripada Geran Khas yang bertajuk “Rekonstruksi Sejarah Islam di Pahang” yang dibiaya oleh Muzium Negeri Pahang.

YM Syed Badrillah Syed Mohammad, Penjaga Nasab Baalawi Negeri Pahang.

YM Syed Mohd Fadhil bin Syed Omar, Penjaga Nasab Baalawi Negeri Terengganu.

Dato Seri Syed Ibrahim Syed Ahmad, Exco Agama, Pendidikan dan Kesihatan Negeri Pahang.